

25 JAN 2002
GETAH-INDIA/I
SYARIKAT MALAYSIA BANTU EKSPORT GETAH DARI INDIA

Oleh: Mahesh Prasad

NEW DELHI, 25 Jan (Bernama) -- Syarikat Malaysia, Mardec International Sdn Bhd, telah membuat tawaran untuk memperoleh dan menjual lebih simpanan getah yang ada di India dalam tahun kewangan semasa (April 2001-Mac 2002).

Untuk tujuan itu, Mardec International telah memeterai perjanjian usaha sama dengan syarikat R.K. Latex yang beribu pejabat di Kerala, sebuah negeri di selatan India.

Usaha sama yang ditubuhkan berikutan lawatan Perdana Menteri India, A.B. Vajpayee, ke Malaysia itu akan dikenali sebagai Mardec R.K. Latex Pte. Ltd.

Dalam lawatannya ke Malaysia itu, Vajpayee telah mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi mewujudkan kerjasama dalam pengeluaran getah dan bidang-bidang lain yang berkaitan dengan getah.

Lebih simpanan itu akan dieksport secara tetap melalui RI International, salah sebuah syarikat urus niaga getah asli terkemuka di dunia.

Simpanan itu mungkin diperoleh daripada Lembaga Getah, Persekutuan Pemasaran Getah Negeri Kerala dan firma-firma lain, kata E. Ranjit Kuruvilla, pengarah urusan R.K. Latex.

Ranjit berkata, RI International akan mengurus niaga dengan Lembaga Getah dan agensi-agensi lain yang berkaitan secara jangka panjang bagi memastikan peladang-peladang mendapat harga yang lebih tinggi bagi keluaran mereka.

Katanya, Kerajaan India akan menyediakan subsidi pada kadar Rs.7 sekilogram, jika firma itu mengeksport 20,000 tonnes (100 INR=RM8.02).

Selain itu, kerajaan negeri Kerala juga akan menyediakan subsidi sebanyak Rs.3.5 bagi setiap kilogram. Subsidi ini penting pada peringkat awal eksport kerana firma berkenaan terpaksa memberi diskaun di pasaran antarabangsa.

Selepas lima tahun, subsidi ini mungkin tidak diperlukan lagi dan firma itu akan terus mengeksport secara tetap, walaupun berlaku defisit dalam pasaran, tegas laporan itu.

Keputusan telah dibuat untuk mengesport dua kontena getah setiap bulan dan kemudiannya akan ditambah kepada 20 kontena.

Asas urus niaga ini bukanlah untuk mendapatkan keuntungan tetapi untuk membantu peladang-peladang getah di Kerala, yang terhimpit ekoran kejatuhan harga getah.

Beliau berharap, dengan urus niaga ini, harga akan meningkat dan keseluruhan lebihan di negara itu akan dapat dijual di luar negara.

-- BERNAMA

MP AT KTC KY OS